

PM-JET

KUALA LUMPUR, 3 JUN 1982 (BERNAMA)--KAPALTERBANG YANG DIGUNAKAN OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD PETANG INI UNTUK LAWATAN KE PASIFIK SELATAN IALAH SEBUAH JET BOEING 737 YANG BARU KELUAR DARI KILANG DAN DISERAHKAN CUMA EMPAT HARI LALU.

MAS TELAH MENEMPANNYA UNTUK DIGUNA SEBAGAI SEBUAH JET EKSEKUTIF BAGI LAWATAN NEGARA DAN RASMI OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG DAN PERDANA MENTERI.

PESAWAT ITU YANG MENGEUNA LAMBANG DAN WARNA RASMI MAS, MEMPUNYAI SEBUAH BILIK TIDUR, BILIK REHAT-DAN-MAKAN DAN SEBUAH MEJA EKSEKUTIF BAGI PENUMPANG TERNAME (VIP).

DI BAHAGIAN BELAKANG KAPALTERBANG, BAGI PENERBANGAN INI, AKAN DITEMPATKAN KERUSI-KERUSI KELAS EKONOMI BAGI ROMBONGAN SERAMAI 26 ORANG.

KAPALTERBANG, YANG DIPASANG DENGAN TANGKI MINYAK TAMBAHAN UNTUK MENAMBAHKAN JARAK PENERBANGAN, TELAH DIPASANG SEMULA MENGIKUT KEHENDAK-KEHENDAK VIP DI DALLAS, AMERIKA SYARIKAT SEBAIK SAHAJA IALAH DISERAHKAN DI SEATTLE. --BERSAMBUNG 2015/MD

PM-JET 2 KUALA LUMPUR

PARA JURUTERA MAS TELAH MENGASAHKAN PERUBAHAN-PERUBAHAN DAN PESAWAT ITU TELAH DITERBANGKAN KE KUALA LUMPUR AHAD LALU.

PARA PEGAWAI MAS, YANG TIDAK MAHU MEMBERITAHU JUMLAH KOS KAPALTERBANG DAN PEMASANGAN-PEMASANGAN ITU, BERKATA SYARIKAT PENERBANGAN ITU AKAN MENYEWAKAN PESAWAT BOEING TERSEBUT KEPADA KERAJAAN BAGI LAWATAN-LAWATAN NEGARA DAN RASMI.

BILA IA TIDAK DISEWA, PEMASANGAN-PEMASANGAN VIP AKAN DIKE-LUARKAN DAN PESAWAT ITU AKAN DIGUNA BAGI PENERBANGAN RANTAU DAN DALAM NEGERI SEBAGAI MENGGANTIKAN LAIN-LAIN PESAWAT.

PESAWAT ITU MERUPAKAN JET B737 MAS YANG KE-12 DAN PADA PENERBANGAN PERTAMANYA HARI INI, IA AKAN MELAKUKAN PERSINGGAHAN TEKNIK DI BALI DAN AKAN DIISI MINYAK SEKALI LAGI DI PORT MORESBY DALAM PERJALANAN SELAMA 16 JAM KE SUVA, FIJI.

JET B737 BOLEH MEMUATKAN 112 TEMPAT DUDUK, TETAPI PESAWAT MAS ITU DIPASANG DENGAN 106 KERUSI BAGI KESELESAAN PARA PENUMPANG DAN DIGUNA BAGI LALUAN DALAM NEGERI SERTA KE SINGAPURA, MANILA, HONG KONG, JAKARTA DAN HAADYAI. --BERNAMA 2020/MD